

# Tindakan disiplin jika langgar peraturan

BANGI 29 Julai - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan hanya membenarkan ahli-ahli Majlis Tertinggi, menteri-menteri besar, menteri-menteri Kabinet merasmikan mesyuarat bahagian parti itu perlu dipatuhi.

Katanya, jika larangan itu tidak dipatuhi UMNO bahagian itu boleh dikenakan tindakan disiplin.

Keputusan itu telah dibuat lebih awal, katanya ketika mengulas tindakan UMNO Bahagian Padang Besar menjemput bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat bahagian berkenaan pada 26 Ogos ini.

"Apa yang susah sangat untuk diikuti, kalau itu peraturannya, patuhlah kepada peraturan seperti yang telah diterangkan oleh Datuk Radzi (Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad)," ujar beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang anjuran Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ESSET) di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, Radzi yang juga Setiausaha Agung UMNO berkata, tindakan tersebut jelas bertentangan dengan peraturan parti yang dibuat semasa zaman Dr. Mahathir lagi.

Sementara itu, Abdullah menyatakan, ahli UMNO yang terlibat dalam insiden menyembur bahan pemedih mata sehingga terkena Dr. Mahathir di Kota Bharu, Kelantan semalam berdepan dengan risiko dipecat daripada parti.

Ujar Perdana Menteri, jika siasatan polis mengesahkan individu yang terlibat ialah ahli UMNO, mereka akan dipecat dan hilang segala jawatan dalam parti.

Menurut beliau, siasatan sedang dijalankan oleh pihak polis dan mereka yang terlibat akan ditangkap dan didakwa di bawah Kanun Keseksaan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam berkata, lelaki berkenaan sudah dikenal pasti dan disiasat mengikut Seksyen 328 Kanun Keseksaan.

"Tindakan tersebut satu kesalahan dan jika individu itu ahli UMNO, tindakan disiplin boleh diambil," ujar beliau.

Perdana Menteri mengulas bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap ahli UMNO yang terlibat dalam insiden di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, semalam.

Akhbar hari ini melaporkan kekecewaan Abdullah terhadap peristiwa yang menimpa bekas Perdana Menteri itu dan mengarahkan siasatan segera dijalankan supaya pihak yang bertanggungjawab dikenakan tindakan keras.

Dr. Mahathir yang sepatutnya berucap dalam rangka lawatan sehari ke Kelantan pagi semalam tidak dapat berbuat demikian setelah disembur dengan sejenis bahan pemedih mata oleh orang yang tidak dikenali.

Kejadian itu berlaku dalam suasana kecoh yang berpunca daripada pertengkaran di antara dua kumpulan yang masing-masing diketuai oleh Datuk Paduka Ibrahim Ali dan Datuk Nik Sapeia Nik Yusof.